

**UCAPAN BAJET TAHUN 2016**

**OLEH**

**YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF**

**YANG DIPERTUA**

**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**“PERKHIDMATAN BERKUALITI TERAS  
KESEJAHTERAAN KOMUNITI”**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan rakan-rakan media.

Saya mohon mencadang supaya suatu Bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2016 dibentang untuk ditimbang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini.

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama merafakkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala atas limpah kurnia, rahmat serta izin-Nya yang membolehkan kita berkumpul pada hari ini untuk saya membentangkan Bajet MPSP 2016 di pagi Jumaat yang mulia ini. Sebagai Yang Dipertua, ini merupakan kali kelima saya membentangkan bajet tahunan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk memikul tanggungjawab sebagai Yang Dipertua di Majlis Perbandaran Seberang Perai. InsyaAllah, tanggungjawab yang diberikan saya laksanakan dengan penuh tanggungjawab berlandaskan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus.

Ucapan terima kasih juga kepada semua Ahli Majlis yang telah memberikan sokongan dan kerjasama serta bersama-sama memikul tanggungjawab dalam merencanakan polisi-polisi dan keputusan-keputusan mesyuarat Majlis serta program-program yang telah terkandung di dalam Fokus MPSP serta Pelan Strategi MPSP 2014 hingga 2018.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

## **1. Tema Bajet 2016**

Tema Bajet 2016 adalah '**Perkhidmatan Berkualiti Teras Kesejahteraan Komuniti**'. Ini merupakan kesinambungan daripada Bajet 2015 dan MPSP akan terus memberikan fokus kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan MPSP kepada semua komuniti samada komuniti industri, komuniti penduduk, komuniti peniaga dan seluruh warga Seberang Perai. Perkhidmatan pembersihan alam sekitar, kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran dan tebatan banjir, kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur, mewujudkan kemudahan awam dan rekreasi serta program

penghijauan Seberang Perai akan diteruskan. MPSP juga akan memberikan fokus terhadap isu keselamatan, lalulintas, kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU) dan mempertingkatkan mutu penguatkuasaan undang-undang serta menambah baik proses penyampaian perkhidmatan.

## **2. Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (*Gender Responsive and Participatory Budgeting - GRPB*)**

Dalam merangka Bajet 2016, MPSP meneruskan perancangan bajet berasaskan ‘outcome’ atau keberhasilan melalui Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (*GRPB*) bagi menangani masalah serta untuk memenuhi “keperluan yang berbeza dari kumpulan yang berbeza (*different needs of different people*)”. MPSP membuat analisis keperluan pelanggan dengan mengambilkira impak yang berbeza terhadap kumpulan sasar masing-masing iaitu mengikut jantina, kumpulan umur, pendidikan, pendapatan, bandar dan luar bandar dalam setiap program dan aktiviti.

Bajet MPSP 2016 yang dibentangkan pada pagi ini telah melalui proses penelitian dan penyediaan serta telah memberi perhatian terhadap input-input, pandangan serta kehendak dan aspirasi warga Seberang Perai dan semua Ahli Majlis mengikut Proses Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (*GRPB*).

MPSP telah mengadakan Soal Selidik Bajet 2016 yang bermula daripada 29 April 2015 hingga 31 Mei 2015. Soal selidik tersebut telah dipaparkan secara *online* di laman web MPSP dan juga borang soal selidik telah diedar kepada warga Seberang Perai melalui program-program Majlis seperti senamrobik, Car Free Morning, ADUN-ADUN, Ahli Majlis-Ahli Majlis, Briged-Briged Wanita, PWDC dan di kompleks-kompleks membeli belah bagi memastikan soal selidik dibuat secara menyeluruh di semua peringkat akar umbi dan keputusan kajian menggambarkan keseluruhan impian dan halatuju warga Seberang Perai.

Soal Selidik Bajet 2016 telah dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil supaya maklumbalas daripada responden pelbagai bangsa dapat diperolehi. MPSP telah mendapat penyertaan sebanyak 3,312 responden iaitu 3,151 responden melalui borang dan 161 responden melalui *online* dan buat kali pertamanya, bilangan responden antara lelaki dan wanita mempunyai bilangan yang seimbang. Justeru itu, analisa yang dibuat merupakan sesuatu yang seimbang dari aspek kesaksamaan gender.


Di samping itu, Soal Selidik Bajet Tahun 2016 juga terdapat penambahbaikan dengan soal selidik Bajet Tahun 2015 di mana soalan yang lebih khusus mengenai isu-isu gender telah disediakan iaitu: -

- (a) Tempat letak kereta keluarga di kawasan/kompleks,
- (b) Tempat letak kereta ibu mengandung/warga emas di kawasan/kompleks awam,
- (c) Bilik tukar lampin bayi dan menyusu bayi di kawasan/kompleks awam,
- (d) Mangkuk tandas/sinki kanak-kanak di tandas awam dan
- (e) Lebih (kubikal) tandas awam wanita.

Hasil kajian soal selidik bajet ini telah dianalisa dan telah dibawa untuk perbincangan yang lebih mendalam melalui Program Dialog Bajet Bersama Komuniti yang telah diadakan pada 13 Jun 2015 yang lalu.

Program Dialog Bajet 2016 telah dihadiri seramai 167 peserta yang terdiri daripada pelbagai peringkat kumpulan iaitu Ahli Majlis-Ahli-Majlis, Ketua-Ketua Jabatan MPSP, Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain, ThinkCity, Penang Women Development Corporation (PWDC), Briged Wanita, Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), wakil penduduk PPR Ampangan dan Kg. Sg. Chenaam serta individu. Program Dialog Bajet kali ini mengambil pendekatan perbincangan di dalam kumpulan mengikut

fokus yang telah ditetapkan. Tahap keutamaan responden ke atas perkhidmatan MPSP untuk tahun 2016 adalah: -



Ini bermakna, 26% *stakeholder* telah menyatakan bahawa MPSP perlu memberikan perhatian kepada kebersihan dalam penyediaaan bajet tahun 2016 berbanding dengan bajet tahun 2015 iaitu 46%. 15% *stakeholder* telah berpendapat bajet MPSP tahun 2016 perlu memberi keutamaan (*priority*) kepada infrastruktur dan kemudahan awam berbanding dengan bajet tahun 2015 iaitu 16%. Manakala kawalan banjir, keutamaan untuk bajet tahun 2016 adalah 14% berbanding bajet tahun 2015 iaitu 13%.

13% *stakeholder* telah berpendapat bajet MPSP tahun 2016 perlu memberi keutamaan kepada keselamatan dan lalulintas berbanding bajet tahun 2015 iaitu 18%. Bagi pengindahan dan kehijauan pula, keutamaan untuk bajet tahun 2016 adalah 13% berbanding bajet tahun 2015 iaitu 12%. *Stakeholder* berpendapat keutamaan bajet

tahun 2016 untuk penguatkuasaan undang-undang adalah 10% berbanding bajet tahun 2015 iaitu 13% dan penglibatan komuniti, *stakeholder* menyatakan keutamaan bajet tahun 2016 adalah 9% berbanding bajet tahun 2015 iaitu 7%.

Ini boleh ditafsirkan bahawa penglibatan komuniti di MPSP sudah sampai di tahap yang baik. Sesungguhnya MPSP amat menghargai pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh warga Seberang Perai.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

### **3. Dasar Bajet 2016**

Dasar Bajet 2016 ialah untuk perkhidmatan yang berkualiti serta efektif dan efisyen kepada *stakeholder*. Dasar yang digubal dan dilaksanakan di MPSP adalah menjurus kepada usaha-usaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada warga Seberang Perai.

Dari aspek peningkatan kualiti, dasar “*no wrong door policy*” seperti mana pernah diucapkan oleh YAB Ketua Menteri bukan sahaja melibatkan Ahli Majlis tetapi seluruh warga MPSP. MPSP ialah sebuah entiti, dan setiap Jabatan menggerakkan entiti ini secara muafakat bukan secara individu. Sehubungan dengan itu, tahap perkhidmatan kepada *stakeholder* akan terus dipertingkatkan.

#### **4. Fokus Bajet 2016**

Seiring dengan dasar yang ingin dilaksanakan dalam tahun 2016, maka MPSP telah merencanakan tiga (3) fokus utama dalam Bajet 2016 iaitu: -

**Fokus Pertama:** **Meningkatkan Kesejahteraan Komuniti Seberang Perai**

**Fokus Kedua:** **Memperkasa Pembangunan Modal Insan & Pengukuhan Organisasi**

**Fokus Ketiga:** **Memperkuuhkan Kewangan MPSP**

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

#### **FOKUS PERTAMA:**

#### **MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI SEBERANG PERAI**

Cadangan Bajet 2016 ini akan memberi tumpuan kepada tujuh (7) bidang keberhasilan utama (*Key Result Area - KRA*) yang merupakan teras perkhidmatan kepada warga Seberang Perai. Ianya juga selari dengan pandangan warga Seberang Perai yang telah dinyatakan dalam Soal Selidik Bajet 2016 yang telah dijalankan oleh MPSP.

Bidang keberhasilan utama berkenaan adalah:-

- (i) Sebanyak RM98.99 juta telah disediakan untuk Kebersihan,
- (ii) Sebanyak RM17.54 juta telah disediakan untuk Keselamatan & Lalu Lintas,
- (iii) Sebanyak RM8.95 juta telah disediakan untuk Infrastruktur & Kemudahan Awam,
- (iv) Sebanyak RM11.51 juta telah disediakan untuk Kawalan Banjir,
- (v) Sebanyak RM4.49 juta telah disediakan untuk Penguatkuasaan Undang-Undang,
- (vi) Sebanyak RM5.06 juta telah disediakan untuk Pengindahan & Kehijauan dan
- (vii) Sebanyak RM3.12 juta telah disediakan untuk Penglibatan Komuniti.

**(i) Seberang Perai Yang Lebih Bersih**

MPSP memperuntukkan 37.4% atau RM98.99 juta daripada keseluruhan peruntukan perbelanjaan 2016 bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal. Tahap keutamaan ke atas perkhidmatan MPSP menunjukkan kebersihan menjadi keutamaan warga Seberang Perai. Semua kerja-kerja pembersihan di seluruh kawasan Seberang Perai dilaksanakan oleh MPSP.

Kos ini adalah termasuk bayaran emolumen kakitangan seramai 2,469 orang, bekalan alatan pembersihan, bekalan bahan api, sewaan GPS kenderaan, pakaian seragam, naik taraf dan penyelenggaraan depoh-depoh, kos pelupusan sampah di Pulau Burung serta kos pemindahan serta pengangkutan sampah di Ampang Jajar.

Sehingga Julai 2015, berat sampah yang telah dilupuskan adalah sebanyak 257,222 tan. Daripada jumlah ini sebanyak 163,661 tan atau 34.69% telah dikitar semula. Oleh itu, kos tipping fee yang telah kita jimatkan ialah RM1,889,932.20. Kadar kitar semula ini adalah melebihi sasaran kadar kitar semula yang ditetapkan di peringkat kebangsaan iaitu 22% pada tahun 2020. Sekiranya kitar semula ini menjadi budaya warga Seberang Perai maka kos pelupusan sampah akan dapat dikurangkan di samping persekitaran yang lebih bersih dan selesa.

MPSP akan sentiasa meneruskan program-program serta kempen-kempen kesedaran bagi memupuk orang awam supaya lebih prihatin dalam menjaga kebersihan persekitaran mereka di samping mempergiatkan program “recycle” dan “upcycle”. Saya di sini menyarankan agar seluruh warga Seberang Perai bersama-sama MPSP untuk menjaga dan meningkatkan kebersihan di Seberang Perai.

**(ii) Seberang Perai Lebih Selamat Serta Pengurusan Lalu Lintas Yang Efisyen Dan Efektif**

MPSP komited dan proaktif dalam memastikan matlamat menjadikan Seberang Perai lebih selamat dapat dicapai. Di bawah keselamatan & lalulintas, MPSP memperuntukkan sejumlah RM17.54 juta pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 sebanyak RM17.07 juta, iaitu peningkatan sebanyak 2.7%. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM2 juta diperuntukkan bagi penyewaan CCTV yang telah dipasang di seluruh Seberang Perai. Pemasangan CCTV adalah bertujuan untuk menangani isu-isu jenayah atau keselamatan orang ramai serta digunakan bagi pemantauan pembuangan sampah haram. MPSP juga memperuntukkan sejumlah RM3 juta bagi pemasangan dan penyelenggaraan lampu-lampu jalan.

MPSP memperuntukkan sejumlah RM9.33 juta pada tahun 2016 bagi pembayaran bil-bil lampu awam iaitu meningkat sebanyak 9.74% dari tahun sebelumnya iaitu RM17.07 juta. Sebanyak RM240,000 diperuntukkan bagi penyelenggaraan lampu isyarat, pondok bas, tempat letak kereta dan papan tanda lalu lintas. MPSP telah melantik syarikat kawalan keselamatan bagi memastikan keselamatan bangunan-bangunan dan premis-premis MPSP terjamin. Untuk tujuan tersebut sebanyak RM1.5 juta telah disediakan dalam bajet 2016 berbanding tahun sebelumnya iaitu RM1.3 juta.

Penyelenggaraan jalan raya di kawasan pentadbiran MPSP juga akan dilaksanakan secara berjadual bagi memberikan keselesaan kepada warga Seberang Perai. Sehingga Ogos 2015, MPSP telah membelanjakan wang dari Kumpulanwang Penyelenggaraan Jalan (MARRIS) sebanyak RM15.9 juta untuk kerja-kerja selenggara dan pembaikan jalan raya di seluruh Seberang Perai. MPSP dari semasa ke semasa akan terus mengemaskini data jalan dalam sistem MARRIS bagi mendapatkan lebih peruntukan pada tahun-tahun akan datang.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

**(iii) Kemudahan Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Yang Kondusif**

Bagi memastikan warga Seberang Perai dapat menikmati kemudahan awam yang baik, sebanyak RM8.95 juta telah diperuntukkan merangkumi pembayaran bil utiliti, penyelenggaraan pasar-pasar awam, kompleks makanan, dewan, kompleks sukan, kolam renang serta perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam MPSP. Ini dilakukan bagi memberi perkhidmatan yang terbaik dan memberi keselesaan kepada penduduk Seberang Perai.

Selain menggunakan peruntukan MPSP bagi tujuan ini, MPSP juga menggunakan Wang Sumbangan Mengantikan Penyediaan Kemudahan Awam sebanyak RM5.13 juta pada tahun 2016 untuk

tujuan penyediaan kemudahan infrastruktur seperti kemudahan alat permainan dan rekreasi, naiktaraf kompleks makanan dan pasar awam serta penyediaan kemudahan awam yang lain kepada warga Seberang Perai mengikut perancangan yang telah dibuat.

MPSP juga tidak ketinggalan dalam memberikan perhatian kepada warga Orang Kurang Upaya (OKU) dalam perancangan Bajet 2016. Untuk itu, MPSP telah menambah peruntukan daripada RM120,000 pada tahun 2015 kepada RM150,000 pada tahun 2016 bagi projek menaiktaraf kemudahan awam sedia ada untuk memberi keselesaan dan kemudahan kepada warga OKU.

#### **(iv) Kawalan Ke Atas Masalah Banjir**

Secara umumnya, kejadian banjir amat sukar untuk diatasi disebabkan beberapa faktor yang berada di luar kawalan manusia termasuklah isu pemanasan global atau “*Global Warming*”. Namun, MPSP komited dalam menangani isu ini dengan perancangan-perancangan yang dapat meminimakan kesan-kesan *pasca banjir*.

Pada tahun 2016, peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM11.51 juta berbanding RM8.09 juta pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 42.28% berbanding 2015. Peruntukan ini merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan parit monsun dan kolam takungan sebanyak RM7.5 juta, penyelenggaraan rumah pam dan kawalan banjir sebanyak RM0.25 juta, penyelenggaraan di kawasan perindustrian sebanyak RM1.7 juta, naik taraf longkang di Taman

Senangin sebanyak RM0.5 juta serta pembinaan parit-parit bagi mengatasi masalah banjir sebanyak RM0.05 juta.

Selain menggunakan peruntukan MPSP, projek serta rancangan bagi kawalan banjir juga akan menggunakan peruntukan Wang Caruman Pemaritan yang akan dipohon melalui Jawatankuasa Tebatan Banjir di peringkat Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Seberang Perai.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

**(v) Meningkatkan Kesedaran Warga Seberang Perai Serta Penguatkuasaan Undang-Undang**

Dalam menguatkuasakan undang-undang, MPSP sentiasa mencari kaedah serta pendekatan yang lebih efektif dalam meningkatkan kesedaran penduduk Seberang Perai. Bagi memastikan matlamat dan tujuan penguatkuasaan yang dilaksanakan mencapai objektif yang telah ditetapkan, MPSP akan lebih memperbanyakkan kempen kesedaran dan pendidikan kepada warga Seberang Perai supaya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan di samping tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Bagi tindakan penguatkuasaan, sebanyak RM4.49 juta diperuntukkan bagi menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan yang lebih efisien di seluruh Seberang Perai. Peruntukan sejumlah RM0.35 juta disediakan untuk perbelanjaan undang-undang manakala RM0.7 juta

untuk mencetak tiket berkupon untuk tempat letak kereta awam. Pada tahun 2016, sebanyak RM0.5 juta disediakan bagi pembinaan stor sitaan yang baru bagi menempatkan barang-barang rampasan selepas tindakan penguatkuasaan dijalankan. RM0.9 juga disediakan bagi program pungutan dan kutipan cukai yang merangkumi kerja-kerja pencetakan bil cukai taksiran, Notis E taksiran, notis peringatan dan waran tahanan serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan pungutan tunggakan cukai taksiran.

#### **(vi) Pengindahan & Kehijauan Seberang Perai**

MPSP bertanggungjawab dalam merancang, menyelenggara dan menjalankan projek-projek pengindahan di seluruh kawasan Seberang Perai serta menjalankan pembangunan lanskap yang berteraskan suasana kehijauan di dalam bandar serta taman-taman perumahan dan tempat-tempat rekreasi di sekitar kawasan pentadbiran MPSP.

MPSP memperuntukkan sejumlah RM5.06 juta bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pengindahan lanskap, memaju, membersih dan memperelok am, membina tempat-tempat rekreasi awam dan sukan serta pemasangan lampu hiasan.

MPSP juga akan menggunakan Wang Sumbangan Mengantikan Kemudahan Awam (Tanah Lapang) sebanyak RM600,000 pada tahun 2016 bagi menceriakan lagi kawasan persekitaran Seberang

Perai. MPSP amat mengalu-alukan syarikat-syarikat dan badan-badan korporat dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti yang akan menyumbang ke arah Seberang Perai yang lebih indah dan hijau melalui program “*4P: Public-Private People Partnership*” di samping CSR (*Corporate Social Responsibility*).

#### **(vii) Penglibatan Komuniti**

MPSP amat menghargai penglibatan komuniti dalam setiap program yang telah dirancang. Antara program-program yang melibatkan komuniti adalah seperti program kesihatan, kebersihan dan pengindahan, dialog bajet serta Program LA21. Dalam usaha menjadikan Seberang Perai sebagai tempat tarikan pelancongan menjelang 2018, buat pertama kalinya MPSP akan membuat kajian mendalam berkaitan penyediaan tempat bagi “*Nature dan Wildlife Reserve*” sepertimana yang dicadangkan di dalam Program Dialog Bajet 2016.

Ahli Majlis-Ahli Majlis juga telah diberi peranan bagi menggerakkan projek komuniti di kawasan masing-masing dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.68 juta atau sejumlah RM70,000 bagi setiap Ahli Majlis. Bagi tahun 2016, buat pertama kalinya MPSP memperuntukkan sebanyak RM33,000 untuk Program Karnival Haiwan Kesayangan serta sejumlah RM600,000 bagi melaksanakan Pelan Strategi Anjing Terbiar Sifar (2015-2018).

Keseluruhan bajet untuk penglibatan komuniti adalah sebanyak RM3.12 juta. Adalah diharapkan dengan bajet penglibatan komuniti tersebut, perkhidmatan MPSP akan mencapai tahap yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

MPSP dari masa ke semasa menjalankan kerjasama yang erat serta sokongan daripada *Penang Women Development Corporation (PWDC)* dalam melaksanakan program-program yang melibatkan komuniti di Seberang Perai terutamanya dalam mengarusperdanakan isu gender serta meningkatkan dan menggalakkan penyertaan rakyat dalam penyediaan bajet MPSP. Kerjasama ini telah bermula sejak tahun 2012 dan kini telah memasuki tahun ke-empat usahasama dijalankan. Dengan kejayaan di PPR Ampangan sebagai perintis projek GRPB, MPSP terus komited bagi menyalurkan dana sebanyak RM200,000 setahun kepada PWDC bagi menjalankan aktiviti-aktiviti jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

Di sini, saya ingin berkongsi kejayaan program-program GRPB yang telah dilaksanakan di PPR Ampangan di mana sebuah taman rekreasi telah berjaya disiapkan pada bulan Ogos 2013. Ianya merupakan keutamaan tertinggi yang telah dipilih oleh penduduk dan pemilihan adalah mengikut Model GRPB Pulau Pinang. Pada bulan Januari 2015, kontrak pembersihan di PPR Ampangan telah diberi kepada Persatuan Penduduk PPR Ampangan. Hasil daripada kontrak ini, kebersihan di PPR Ampangan semakin meningkat.

Program GRPB yang kedua adalah di Kampung Sungai Chenaam, Seberang Perai Selatan dan Taman Tunku, Seberang Jaya pula adalah program GRPB yang ketiga di mana Model GRPB Pulau Pinang digunakan sebelum kerja-kerja menaiktaraf dan pemberian dijalankan. Selain itu, di Taman Tambun Indah juga dijalankan program GRPB di mana lebih menjurus kepada meningkatkan aktiviti *composting* dan *recycle*. Manakala di Taman Teluk Indah, Perai iaitu di Blok E1 dan E2, program GRPB dijalankan di bawah Timbalan Ketua Menteri 2, YB. Prof. Dr. Ramasamy serta Ahli Majlis En. Satees dan Ahli Majlis En. David Marshel.

MPSP telah bekerjasama dengan PWDC dalam membuat rangka kerja bagi mengaplikasikan ‘*Gender Responsive and Participatory Budgeting*’ (GRPB). Bajet 2015 merupakan bajet yang pertama disediakan mengikut model GRPB dan ianya diteruskan untuk penyediaan bajet 2016 dan bajet tahun-tahun akan datang. Model ini dilaksanakan bagi memastikan peranan dan akauntabiliti pengurus program/aktiviti dikenalpasti dengan jelas dalam kerangka keberhasilan dan diukur menggunakan KPI yang telah ditetapkan. Ini adalah untuk memastikan akauntabiliti di semua peringkat perbelanjaan ke arah tadbir urus yang baik dalam pengurusan wang awam.

Model GRPB ini juga telah menampakkan impak yang positif di mana Yang Berhormat dari ADUN serta Ahli Parlimen mula mengambil perhatian untuk “*Gender Mainstreaming*” dalam membuat sesuatu projek dan program. Terbaru, Projek GRPB Kadun Machang Bubok

melalui YB. Sim Chee Keong, Ahli Parlimen Bukit Mertajam dan YB. Lee Khai Loon, ADUN Machang Bubok dengan 17 JKJKK Machang Bubok akan bertanding untuk mendapat dana projek pembangunan sebanyak RM100,000, iaitu masing-masing RM50,000 oleh YB. Sim Chee Keong dan RM50,000 lagi oleh YB. Lee Khai Loon.

Program ini akan menggunakan model GRPB dalam membuat keputusan sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Pemenang akan menerima sumber kewangan dari ADUN dan Ahli Parlimen bagi melaksanakan projek berkenaan. MPSP adalah terlibat secara langsung dengan projek ini. Di sini, saya ingin menyeru semua YB. ADUN dan Ahli Parlimen untuk turut serta dalam mengaplikasikan model GRPB di dalam membuat program atau aktiviti serta menggalakkan penyertaan penduduk agar ianya lebih telus serta memenuhi kehendak dan keperluan penduduk Seberang Perai.

Di samping itu, deraf senarai semak gender atau *gender checklist* telah disediakan bagi memastikan keperluan dan kesaksamaan gender dapat disediakan dan senarai ini akan digunakan oleh jurutera, arkitek, pemaju dan lain-lain sebelum pelan pemajuan dikemukakan. MPSP juga telah menjalankan *sex disaggregated data* (SDD) untuk gaji, tuntutan lebih masa, latihan dan pakaian seragam kakitangan MPSP bagi melihat kesaksamaan gender serta mengurangkan jurang gender di MPSP. Data analisa ini akan dijadikan panduan dalam pentadbiran MPSP.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

**FOKUS KEDUA:**  
**MEMPERKASA PEMBANGUNAN MODAL INSAN**  
**DAN PENGUKUHAN ORGANISASI**

**(i) Pengisian Perjawatan**

Sehingga Ogos 2015, jumlah perjawatan yang telah diisi adalah seramai 4,206 kakitangan iaitu 1,536 kakitangan tetap, 2,645 kakitangan kontrak dan 25 kakitangan sambilan. Pada tahun 2016, adalah dianggarkan kos emolumen bagi keseluruhan kakitangan MPSP adalah berjumlah RM152.96 juta berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu RM142.19 juta iaitu peningkatan sebanyak RM10.77 juta. Jumlah emolumen ini telah mengambil kira gaji-gaji bagi perjawatan baru yang belum diisi.

**(ii) Pengurusan Dan Pembangunan Modal Insan**

Strategi pengurusan dan pembangunan modal insan amat penting kepada sesebuah organisasi kerana ianya memberi sumbangan yang amat besar kepada kemajuan MPSP. Pengurusan ditakrifkan sebagai proses untuk menggembangkan segala input di dalam sesebuah organisasi dengan cara paling optimum untuk mencapai objektif organisasi.

Sehubungan dengan itu, kursus dan latihan serta penanda aras adalah amat penting bagi menambah ilmu pengetahuan, kemahiran dan kecekapan dalam menjalankan tugas serta kemajuan kerjaya kakitangan MPSP. Pekeliling perkhidmatan awam telah menetapkan had minimum bilangan hari berkursus bagi setiap kakitangan adalah 7 hari setahun. MPSP telah menghantar beberapa pegawai menghadiri kursus, seminar dan pembentangan kertas kerja di forum-forum peringkat nasional mahupun antarabangsa. Untuk tahun 2016, MPSP menyediakan peruntukan sebanyak RM1.33 juta merangkumi kursus, seminar, peperiksaan serta lawatan sambil belajar. Melalui “networking” di peringkat antarabangsa, seramai 25 orang kakitangan MPSP telah diberi penajaan untuk keluar negara untuk menghadiri persidangan, kursus atau seminar.

### **(iii) Kebajikan Pekerja**

MPSP juga menitikberatkan aspek kebajikan kepada pekerja dengan menyediakan pelbagai kemudahan. Bagi meringankan beban kewangan kakitangan yang menghadapi masalah kesihatan dan memerlukan rawatan berterusan, MPSP telah menyediakan peruntukan bagi perkhidmatan perubatan berjumlah RM1.5 juta. Bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, kemudahan klinik panel disediakan kepada kakitangan dan kakitangan berkeluarga dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.2 juta.

Pada tahun 2016, MPSP mengekalkan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi bayaran pampasan (*ex-Gratia*) kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan semasa bertugas. Ini dilakukan bagi menyelesaikan kes-kes kemalangan serta menunjukkan komitmen majikan kepada kebijakan pekerja.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

**FOKUS KETIGA:**  
**MEMPERKUKUHKAN KEWANGAN MPSP**

**(i) Menghadapi Cabaran Fiskal Serta Memperkuuhkan Prestasi Kewangan MPSP**

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) merupakan cabaran ke atas pengurusan fiskal MPSP pada tahun ini. Cukai ini telah diperkenalkan pada bulan April 2015 bagi menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan. MPSP tidak terkecuali dalam pelaksanaan GST ini dan ianya turut memberi kesan terhadap kewangan MPSP.

Bagi meringankan beban peniaga-peniaga dan warga Seberang Perai, MPSP telah membuat keputusan untuk tidak mengenakan caj GST ke atas beberapa perkhidmatan yang disediakan seperti sewaan pasar awam, kompleks makanan, dewan orang ramai, bayaran meletak kereta, permohonan permit kanopi, sewaan kemudahan majlis seperti tong sampah, dan tandas bergerak. MPSP

akan menanggung keseluruhan kos GST berkenaan. Pada tahun 2016, sejumlah RM1,000,000 telah diperuntukkan untuk bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Di peringkat pengurusan, MPSP telah mewujudkan Pasukan Kerja Pemantauan Peningkatan Hasil dan Penjimatkan Kos dalam memantau serta memikirkan usaha-usaha bagi meningkatkan kutipan hasil serta berusaha untuk menjimatkan kos menerusi usaha-usaha pengurangan pembaziran dan penjimatkan sumber.

Selaras dengan visi MPSP iaitu menjadikan Seberang Perai yang lebih bersih, indah, selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan dan pelancongan menjelang 2018, menjadi cabaran kepada MPSP dalam mengukuhkan kedudukan kewangan dan untuk mengekalkan rezab tunai yang mampan bagi melaksanakan perancangan pembangunan yang lebih menyeluruh.

Walaupun setiap tahun kita merancang bajet defisit, namun dengan perbelanjaan yang berhemah yang berteraskan keutamaan dan keupayaan, kita telah berjaya mengekang defisit dengan mencatat lebihan fiskal selama 6 tahun berturut-turut. MPSP telah menyediakan bajet defisit sebanyak RM10.35 juta dan RM27.41 juta masing-masing pada tahun 2013 dan 2014. Walau bagaimanapun semasa penutupan akaun berakhir 31 Disember, MPSP telah memperolehi lebihan sebenar sebanyak RM2.74 juta pada tahun 2013 dan RM0.17 juta pada tahun 2014.

Sungguhpun MPSP telah berjaya mencatatkan lebihan pendapatan namun peningkatan perbelanjaan mengurus dari semasa ke semasa telah diambil perhatian disebabkan sumber kewangan MPSP yang terhad.

MPSP terus komited untuk melaksanakan pengurusan kewangan yang berhemah bagi memastikan kedudukan kewangan terus kukuh. Bagi mencapai tujuan tersebut, MPSP akan memastikan kawalan terhadap perbelanjaan mengurus diperketatkan melalui pengawalan dan pemantauan pelaksanaan program dan aktiviti, melaksanakan langkah-langkah penjimatan, mengutamakan prinsip “*value for money*” dalam semua aspek bekalan, kerja dan perkhidmatan, mengelakkan pembaziran dan memastikan pengurusan kewangan yang cekap.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

## **(ii) Komponen Hasil**

Pada tahun 2016, hasil MPSP yang dijangka akan diperolehi oleh MPSP adalah berjumlah RM244.81 juta. Ianya terdiri daripada Hasil Cukai sebanyak RM169.72 juta atau 69% daripada keseluruhan jumlah hasil MPSP. Bagi Hasil Bukan Cukai sebanyak RM66.09 juta atau 27% dari jumlah hasil MPSP dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM9.0 juta atau 4%. Secara keseluruhannya, hasil MPSP dijangka meningkat sebanyak 14.72% pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya.

Antara komponen bagi Hasil Bukan Cukai adalah terdiri daripada lesen dan permit, perkhidmatan & bayaran perkhidmatan, faedah dan perolehan dari pelaburan serta denda dan hukuman.

### **(iii) Peruntukan Bajet 2016**

Berdasarkan fokus strategik, cadangan Program Dialog Bajet dan perancangan yang telah dibentangkan tadi, saya mencadangkan peruntukan sejumlah RM251.56 juta diperuntukkan bagi bajet mengurus tahun 2016.

Perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak 7.24% pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Perbelanjaan mengurus merangkumi perbelanjaan emolumen kakitangan sebanyak RM83.21 juta, perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM154.24 juta, pemberian dan kenaan bayaran tetap sebanyak RM6.64 juta dan perbelanjaan-perbelanjaan lain sebanyak RM7.48 juta. Perbelanjaan mengurus meningkat pada tahun 2016 antara lain disebabkan kenaikan kos emolumen termasuk kenaikan gaji tahunan kakitangan, kenaikan kos bekalan dan utiliti serta bekalan pakaian seragam bagi tambahan pekerja am.

MPSP juga menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM9.25 juta pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 44.51% dari tahun sebelumnya. Perbelanjaan harta modal juga meningkat sebanyak RM1.44 juta menjadikan jumlah peruntukan yang disediakan untuk tahun 2016 sebanyak RM4.29 juta. Perbelanjaan ini

merangkumi alat-alat mesin kejuruteraan, mesin angkat sampah, alat-alat pejabat, perkakasan dan perisian komputer, pemasangan FRT (*Floating Rubbish Trap*) dan pembelian motosikal elektrik. MPSP juga akan membuat pembelian kendaraan untuk kerja-kerja pembersihan dan pengindahan menggunakan pinjaman Kerajaan Negeri sebanyak RM2.3 juta pada tahun 2016.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

Selari dengan tema “**Perkhidmatan Berkualiti Teras Kesejahteraan Komuniti**”, MPSP telah mendapat pelbagai pengiktirafan di dalam dan di luar negara hasil dari keberkesanan penyampaian perkhidmatan MPSP kepada *stakeholder*. Pada 13 April 2015 yang lalu, MPSP telah menerima surat pengesahan disenaraikan dalam The Malaysia Book Of Records sebagai Pihak Berkuasa Tempatan pertama yang telah berjaya mendapat lima (5) persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti iaitu: -

- (i) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS 9001:2008),
- (ii) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS 14001:2004),
- (iii) Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS 18001:2007),
- (iv) Sistem Pengurusan Tenaga (EnMS 50001:2011) dan
- (v) Sistem Pengurusan Persekutaran Berkualiti (QEMS/5S).

MPSP juga merupakan PBT pertama yang melaksanakan sistem pengurusan kualiti berintegrasi. MPSP sentiasa komited dalam usaha menambahbaik perkhidmatan yang berkualiti di samping menaikkan nama MPSP di peringkat antarabangsa selaras dengan hasrat Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang untuk meletakkan dan menaikkan nama Pulau Pinang di mata dunia. MPSP telah menjalinkan hubungan yang baik dengan:-

- (i) Freemantle, Australia,
- (ii) Bandar Metropolitan Gwangju - Human Right City,
- (iii) Seoul Metropolitan Government - Menandatangani MOU bersama Seoul Metropolitan Government berkenaan Environmental Policy Exchange dan
- (iv) City Of Yokohama - Hubungan kerjasama dengan Bandar Yokohama, Jepun untuk menjadikan Bukit Mertajam sebagai *pilot project* atau *landmark* dari segi *urban design*. Dijangka MOU bersama Bandar Yokohama, Jepun ini akan ditandatangani pada bulan November 2015 tahun ini.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

Pada tahun 2016, saya mencadangkan peruntukan berjumlah RM265.10 juta berbanding anggaran pendapatan sebanyak RM244.81 juta. Ini bermakna pada tahun 2016, saya mencadangkan bajet defisit berjumlah RM20.30 juta. Bagi meneruskan perkhidmatan perbandaran yang terbaik serta tanggungjawab sosial MPSP kepada warga Seberang Perai, maka bajet defisit masih relevan dan tidak

dapat dielakkan. MPSP sentiasa mengamalkan perbelanjaan yang berhemah serta penjimatan dalam membuat perbelanjaan di samping meningkatkan kutipan hasil MPSP.

Bajet defisit menunjukkan MPSP mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk dilaksanakan demi kesejahteraan penduduk dan kemajuan Seberang Perai terutamanya bagi kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sampah, penyelenggaraan jalan, perparitan, lampu jalan, lampu isyarat dan pembaikan-pembaikan kemudahan awam. Defisit yang dicadangkan ini akan ditampung daripada Kumpulan Wang Majlis adalah mencukupi untuk membiayai defisit pada tahun 2016.

Berdasarkan kepada pembentangan di atas berserta justifikasi-justifikasi yang telah dibentangkan, saya memohon mencadangkan supaya bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2016 yang telah dibentang ini, untuk ditimbang dan diluluskan di dalam Majlis ini seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Oleh yang demikian, dengan amanah dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan, saya memohon Majlis Penuh hari ini menimbang dan meluluskan Bajet MPSP untuk tahun 2016 seperti berikut: -

<b>RM</b>
Pendapatan : 244,806,584
Perbelanjaan : 265,101,944
<b>Defisit</b> : <b>(20,295,360)</b>

Saya mohon mencadangkan. Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF** DSPN,DJN,AMN,BCN,PKT,PJK

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Seberang Perai